



IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA,
CAWANGAN PENTADBIRAN DAN ASET, ARAS 2,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

No.:JBPM/IP/CPT(UPA):400(S)-13/4/2

TAWARAN SEBUT HARGA BAGI PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN SECARA SEBUTHARGA BAGI LAPAN (8) UNIT KENDERAAN DI IBU PEJABAT JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

- 1) Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

Bil.	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti (Unit)	Harga Simpanan (RM)
1.	JET SKI Tarikh perolehan : 14/12/2001 Warna: Merah	NO 1.3 (4.5)	1	300.00
2.	JET SKI Tarikh perolehan : 14/12/2001 Warna: Merah	NO 2.3 (04)	1	300.00
3	JET SKI Tarikh perolehan : 14/12/2001 Warna: Merah	NO 3-3 (4.6)	1	300.00
4	NAZARIA Tarikh perolehan : 17/1/2006 Warna: Perak	WML 6152	1	300.00
5	NAZARIA Tarikh perolehan : 15/12/2003 Warna: Perak	WLJ 6189	1	300.00
6	NAZARIA Tarikh perolehan : 15/12/2003 Warna: Perak	WLJ 9539	1	300.00
7	ISUZU TROPPER Tarikh perolehan : 7/8/2000 Warna: Merah	WHC 4924	1	300.00
8	ISUZU TROPPER Tarikh perolehan : 7/8/2000 Warna: Merah	WHR 8971	1	300.00

2. Aset boleh dilihat pada **31 Mac 2021 hingga 13 April 2021** diantara jam **10.00 pagi hingga 3.00 petang** seperti ketetapan berikut:
- i) Lokasi Aset Alih Kerajaan :
**Pusat Kejuruteraan Jentera,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Bandar Baru Salak Tinggi,
43900 Sepang,
Selangor Darul Ehsan.**
Sila rujuk **Lampiran A**.
 - ii) Pegawai yang boleh dihubungi :
 - a) Tuan Shahril Rashidi Bin Said
03-87066344 sambungan 128
shahril.bomba@1govuc.gov.my
(sesi lawatan)
 - b) Tuan Khairul Hilal Bin Baharudin
03-88927600 sambungan 7800
hilal.bomba@1govuc.gov.my
(pertanyaan mengenai aset)
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi di alamat **Cawangan Pentadbiran & Aset, Aras 2**. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **JBPM/IP/CPT(UPA):400(S)-13/4/2** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

**Ibu Pejabat
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Bahagian Pengurusan
(Cawangan Pentadbiran dan Aset) Aras 2,
Lebuh Wawasan, Presint 7,
62250 Putrajaya**

5. Tarikh tutup Sebut harga pada **13 April 2021** jam 12.00 tengahari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


(MOHD FAKHRUL ZAMAN BIN CHE HAMZAH)

Ketua Penolong Pengarah
Cawangan Pentadbiran dan Aset
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Tarikh **29** Mac 2021

Cop Jabatan :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Kiriman Wang/Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia**.
3. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.